NO SOALAN :58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**17.03.2016**

Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan Cukai GST setelah dilaksanakan sehingga kini dan jumlah kutipan mengikut negeri-negeri setiap bulan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bersih kutipan GST iaitu setelah mengambil kira tuntutan kredit ke atas GST di peringkat input perniagaan bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah

sebanyak RM27.012 bilion. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan purata kutipan GST adalah sebanyak RM3 bilion bagi setiap bulan.

Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa mengambil kira lokasi pendaftaran dibuat dan perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak semestinya menggambarkan bahawa hasil tersebut berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan semata-mata. Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Sehubungan itu, kutipan hasil GST adalah merangkumi sumbangan daripada seluruh negara.